

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans barangan rumah anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Barangan Rumah?

Insurans Barangan Rumah menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kandungan isi rumah dan barangan peribadi anda dan keluarga anda.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM50,000 ke atas Isi Kandungan, dengan bayaran sebanyak RM250.00 setahun (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem yang berkenaan), anda akan mendapat perlindungan insurans barangan rumah berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<ul style="list-style-type: none">• Kebakaran dan kilat, tangki atau paip air pecah atau melimpah, letupan, gempa bumi, ribut angin, banjir, kerosakan akibat perbuatan jahat, hentaman, kerosakan yang disebabkan oleh pesawat udara, rusuhan dan mogokan, dan pokok tumbang – sehingga RM50,000• Kecurian, yang disertai oleh pecah masuk dan keluar rumah menggunakan kekerasan dan keganasan, terhadap isi kandungan rumah anda – sehingga RM50,000• Kerosakan tidak sengaja – sehingga RM50,000• Penenggelaman atau gelinciran tanah – sehingga RM50,000• Liabiliti penghuni anda dan keluarga anda – sehingga RM250,000 setiap insiden• Kehilangan wang – sehingga RM500 setiap insiden• Penggantian kunci dan kekunci yang rosak – sehingga RM500 setiap insiden• Kerugian atau kerosakan pada siklus pedal anda – sehingga RM500 setiap insiden• Pembuangan sisa – had RM2,000• Perbelanjaan daripada saku – had RM2,000• Pembaikan pintu atau tingkap – had RM1,000• Surat hak milik atau dokumen – had RM2,500• Koleksi syiling, pingat dan setem – had RM500• Caj bomba – had RM5,000• Makanan beku – sehingga RM500 setiap insiden• Arahan untuk berpindah oleh pihak berkuasa kerajaan – had RM25,000	<ul style="list-style-type: none">• Pencemaran radioaktif• Risiko perang• Tindakan penguatkuasa• Gelombang bunyi• Kerosakan sedia ada• Sebarang lebihan yang berkenaan <p><i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i></p>

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
The Pacific Insurance Berhad



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Barangan Rumah ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM250.00 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM250.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium atau RM37.50 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM20.00

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda perlu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada The Pacific Insurance Berhad tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Semua bangunan yang berkaitan dengan insurans ini mesti dibina daripada dinding bata/konkrit dan beratapkan jubin/abestos, digunakan semata-mata untuk kegunaan kediaman (Klasifikasi Binaan 1A).
- Jumlah diinsuranskan yang anda pilih mesti mewakili nilai penuh isi kandungan. Walau bagaimanapun, kami akan mengecualikan sebarang penalti untuk kekurangan perlindungan insurans sekiranya pada masa kerugian atau kerosakan jumlah yang diinsuranskan kurang daripada jumlah kos untuk menggantikan semua isi kandungan sebagai baru (tolak jumlah yang dibenarkan bagi haus dan lusuh ke atas barangan permaidani dan penutup lantai, pakaian, kasut, langsir, barang linen, peralatan sukan, mainan kanak-kanak, dan perkakas dapur) tidak melebihi 25%.
- Amaun maksimum yang kami akan bayar untuk barangan rumah hendaklah dihadkan kepada:
 - (a) RM2,000 bagi setiap artikel atau koleksi, set atau pasangan jika barangan itu berbentuk koleksi, set atau pasangan (kecuali untuk perabot, piano, organ, perkakas rumah, komputer peribadi, radio, set televisyen, set perakam video, alatan Hi-Fi dan yang bersamaan).
Sekiranya memerlukan perlindungan yang lebih daripada yang disebut di atas, artikel, koleksi, set atau pasangan tersebut boleh diinsuranskan secara khusus sebagai barang berasingan dan menyatakan jumlah yang diinsuranskan bagi setiap barangan itu. Jumlah yang diinsuranskan bagi setiap barangan itu akan menjadi amaun maksimum yang kami akan bayar.
 - (b) pada keseluruhannya, satu pertiga daripada jumlah keseluruhan diinsuranskan bagi barangan rumah anda atau RM30,000, yang mana lebih rendah bagi semua artikel dari platinum, emas dan perak, barangan kemas, pakaian berbulu dan jam tangan.
- Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- Premium yang perlu dibayar kepada kami mesti dijelaskan dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari tarikh bermulanya polisi/endorsemen/sijil pembaharuan.
- Untuk sebarang tuntutan kerugian atau kerosakan, anda hendaklah:
 - (a) memberitahu kami dengan segera atas sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penipuan, kecurian, cubaan mencuri, vandalisma, perbuatan jahat, mogok atau rusuhan awam atau jika sebarang harta yang telah hilang di luar kediaman anda;
 - (b) atas perbelanjaan anda berikan kami maklumat dan bukti yang mungkin kami minta termasuk anggaran bertulis dan bukti hak milik atau nilai.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada kami dan, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans ini, kami akan mengembalikan premium yang telah dibayar bagi tempoh insurans yang belum matang berdasarkan kadar jangka pendek kami yang biasa.

Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis 7 hari melalui surat ke alamat terakhir anda yang diketahui dan kami akan mengembalikan premium yang telah dibayar untuk sebarang tempoh insurans yang belum tamat.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my

Lampiran

Manfaat dan Premium

Manfaat	Jumlah Diinsuranskan
Kebakaran dan kilat, tangki atau paip air pecah atau melimpah, letupan, gempa bumi, ribut angin, banjir, kerosakan akibat perbuatan jahat, hentaman, kerosakan yang disebabkan oleh pesawat udara, rusuhan dan mogokan, dan pokok tumbang	Sehingga 100% jumlah diinsuranskan
Kecurian, yang disertai oleh pecah masuk dan keluar rumah menggunakan kekerasan dan keganasan, terhadap isi kandungan rumah anda	
Kerosakan tidak sengaja	
Penenggelaman atau gelinciran tanah	
Liabiliti penghuni anda dan keluarga anda	Sehingga RM250,000 setiap insiden
Kehilangan wang	Sehingga RM500 setiap insiden
Penggantian kunci dan kekunci yang rosak	Sehingga RM500 setiap insiden
Kerugian atau kerosakan pada siklus pedal anda	Sehingga RM500 setiap insiden
Pembuangan sisa	Had RM2,000
Perbelanjaan daripada saku	Had RM2,000
Pembaikan pintu atau tingkap	Had RM1,000
Surat hak milik atau dokumen	Had RM2,500
Koleksi syiling, pingat dan setem	Had RM500
Caj bomba	Had RM5,000
Makanan beku	Sehingga RM500 setiap insiden
Arahan untuk berpindah oleh pihak berkuasa kerajaan	Had 50% jumlah diinsuranskan

PELAN	PELAN 1	PELAN 2	PELAN 3	PELAN 4	PELAN 5	PELAN 6	PELAN 7	PELAN 8	PELAN 9	PELAN 10
Jumlah Diinsuranskan (RM)	25,000	30,000	35,000	40,000	50,000	60,000	70,000	80,000	90,000	100,000
Premium Tahunan (RM)	125	150	175	200	250	300	350	400	450	500